

PENGUMUMAN

TABUNG BENCANA KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Sejak kebelakangan ini, rantau ini telah dilanda berbagai bencana alam yang membawa kemusnahan yang amat dahsyat. Bencana Tsunami di Aceh, gempa bumi di Iran, Pakistan dan Indonesia serta banjir di India, Bangladesh dan Korea Utara telah meragut beribu-ribu nyawa dan mengakibatkan kemusnahan harta-benda yang dianggarkan berjumlah berbilion ringgit.

Atas dasar keprihatinan dan simpati terhadap mangsa-mangsa bencana ini, Kementerian Luar Negeri telah menubuhkan Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri bagi membolehkan rakyat Malaysia menyalurkan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh negara dan mangsa-mangsa bencana alam di mana-mana sahaja.

KLN mengalu-alukan sumbangan kewangan dari rakyat Malaysia kepada Tabung Bencana ini pada bila-bila masa. Sumbangan tersebut boleh disalurkan kepada Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri melalui cek atas nama "**Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri**".

Alamat dan pegawai perhubungan untuk sumbangan tersebut adalah seperti berikut:

Puan Nor Azlina Nasiruddin
Akauntan Kanan
Kementerian Luar Negeri
No. 1, Jalan Wisma Putra
Presint 2
62602 PUTRAJAYA

Tel : 03-88874251
03-88892924
E-mail : bencana@kln.gov.my